

MH17: SEMINGGU BERL

Kuala Lumpur

Tarikh 17 Julai 2014 mencatatkan satu lagi episod duka dalam sejarah apabila pesawat Boeing 777-200 milik Penerbangan Malaysia (MAS) dengan kod penerbangan MH17 yang membawa 298 penumpang dan kru terhempas selepas dipercayai terkena tembakan peluru berpandu di sempadan Ukraine-Russia.

Kejadian ini mengejutkan seluruh masyarakat dunia dan bagi MAS sendiri ia adalah kehilangan kedua dalam tempoh yang begitu singkat selepas pesawat MH370 hilang pada 8 Mac lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam reaksi awal melahirkan rasa amat terkejut dan sedih selepas mendapat berita berkenaan. Ketika sidang media, Najib dilaporkan berkata pasukan penyelamat dan pencari akan

Metro 26/7/14 MAS 16

segera berlepas ke tempat kejadian di Torez, Ukraine. Kebanyakan berita antarabangsa juga melaporkan keadaan mayat yang sudah mula reput selepas 24 jam kejadian.

Duta Khas Amerika Syarikat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Samantha Power mengesahkan pesawat MH17 ditembak peluru berpandu jenis SA-11, bagaimanapun, tiada pihak yang tampil mengaku.

Setakat ini, sejumlah 114 mayat mangsa sudah diterbangkan ke Amsterdam, Belanda untuk proses pengecaman.

Proses membawa pulang mayat rakyat Malaysia dijangka hanya dapat dilakukan selepas Aidilfitri.



HARI PERTAMA 17 JULAI

Time	Airline	Flight No.	Destination
05:50	Srilankan	UL 2134	Brisbane
06:10	KLM	KL 4103	Amsterdam
06:10	Malaysia	MH 0017	Amsterdam
06:15	Japan Airlines	JL 7952	Male
	Malaysia	MH 0176	Male

- Pesawat MH17 membawa 283 penumpang dan 15 kru berlepas dari Amsterdam pada jam 12.15 tengah hari waktu Belanda dan dijadual tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada jam 6.10 pagi.

- Pesawat kehilangan perhubungan dengan pengawal trafik udara Kiev tepat jam 2.15 petang waktu Belanda.

- Agensi berita Russia Interfax kemudian melaporkan pesawat terbabit terhempas di sempadan Ukraine-Russia di bahagian timur.

- MAS turut mengesahkan pesawat berkenaan terputus hubungan pada kedudukan 30 kilometer dari Tamak dan 50 kilometer dari sempadan Ukraine-Russia.

HARI KEDUA 18 JULAI

- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak memberikan reaksi awal dan berkata "Saya amat terkejut."

- Malaysia memutuskan akan menghantar pasukan mencari dan menyelamatkan dengan segera ke lokasi.

- Perdana Menteri Ukraine Yulia Tymoshenko mengarahkan siasatan dilakukan.

- Presiden Amerika Syarikat Barack Obama tawarkan bantuan negaranya dalam penyiasatan.



- MAS dalam sidang media memberitahu bahawa terdapat 173 rakyat Belanda, Australia (27), Malaysia (44), Indonesia (12), Jerman dan Belgium masing-masing empat, tiga dari Filipina dan masing-masing seorang warga Kanada dan New Zealand manakala bakinya masih belum dikenal pasti.

17 JULAI, 12.15 pm
Pesawat MH17
membawa 298
penumpang dan kru
berlepas dari
Amsterdam ke KL

BELANDA
Amsterdam

SWITZERLAND



Pesawat MH17
dipercayai ditembak
oleh peluru
berpandu BUK

Pesawat dipercayai
terhempas di sempadan
Ukraine dan Russia.
Kesemua 298 penumpang
maut

Kiev

UKRAINE

Donetsk

RUSSIA

- Seramai 30 anggota pasukan paman-
tau daripada Pertubuhan Keselamatan
dan Kerjasama Eropah (OSCEA) tiba
di tempat kejadian.

- Keluarga waris mula berkumpul
di Sepang.

- Kotak hitam ditemui.

ALU

Metro 26/7/14
AKS 11

HARI KELAPAN 24 JULAI

- Proses pengecaman mayat berlangsung.
- Perdana Menteri Ukraine Arseniy Yatsenyuk meletak jawatan.
- Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, mayat rakyat Malaysia mungkin tidak sempat dibawa pulang sebelum Aidilfitri.

HARI KESEMBILAN 25 JULAI

- Pasukan penyiasat Malaysia sudah menyerahkan laporan penyiasatan kepada kerajaan Belanda
- Peguam Negara dan pasukan penyiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) berlepas ke Amsterdam untuk membantu pasukan penyiasat.

HARIKETIGA 19 JULAI

- Pemimpin pemberontak Alexander Borodoi berkata, mayat mangsa dalam keadaan reput ketika ditemui oleh pasukannya.
- Mayat mula dikumpulkan oleh pasukan pemberontak dan diletakkan di dalam kereta api berhawa dingin.

HARI KEEMPAT 20 JULAI

- Pasukan penyiasat Malaysia tiba di Kiev, Ukraine.

HARI KELIMA 21 JULAI

- Kereta api membawa mayat bertolak dari Torez ke Kharkiv sebelum diterbangkan ke Belanda.
- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mahu mayat warga Malaysia dibawa pulang sebelum Aidilfitri.
- Perdana Menteri berkata beliau sudah menghubungi Alexander Borodoi untuk membantu memudahkan proses penyiasatan.

HARI KEENAM 22 JULAI

- Solidariti MH17 oleh rakyat Malaysia di depan kedutaan Ukraine dan Russia.
- Kotak hitam diserahkan kepada wakil Malaysia.
- Duta Russia di Malaysia Lyudmila G Vorobyeva dalam sidang akhbar berkata, kerajaannya bersedia membantu Malaysia dan menyangkal dakwaan Amerika Syarikat bahawa Moscow terbabit dalam kejadian menembak jatuh pesawat MH17.
- Kotak hitam akan dihantar ke makmal di United Kingdom.
- 282 mayat tiba di Kharkiv, kira-kira 500 kilometer dari Kiev.

HARI KETUJUH 23 JULAI

- Sebahagian mayat mangsa tragedi tiba di Belanda.
- 45 keluarga di Malaysia menjalani proses pengambilan sampel DNA.
- Sidang tergepang Parlimen berkenaan MH17.



- MAS memberi bantuan permulaan
A\$55,000 (RM16,000) kepada keluarga
setiap mangsa.

